



SURIA PANTAI

penuhi keperluan pembeli

Ms.28/69

Suria Pantai penuhi keperluan pembeli

→ IJM Land,
Amona
Development
lancarkan
projek
RUMAWIP

Oleh Hazwan Faisal

Mohamad

hazwanfaisal@NSTP.com.my

JM Land dan Amona Development melancarkan projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, yang dikenali sebagai Suria Pantai dan dijual pada harga RM275,000 seunit.

Kondominium 34 tingkat itu menawarkan 896 unit kediaman berkeluasan 810 kaki persegi dengan setiap tingkat mempunyai 26 unit rumah.

Keselamatan terjamin

Setiap unit akan mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik mandi, sekali gus memenuhi keperluan setiap pembeli sama ada untuk golongan bujang profesional, pasangan berkahwin mahupun mereka yang sudah berkeluarga.

Setiap unit juga dida-

tangkan dengan satu tempat letak kereta bertutup. Dari segi kemudahan, kediaman ini akan dilengkapi kolam renang, taman permainan

dan dewan serbaguna untuk pelbagai aktiviti.

Di samping itu, keselamatan penghuni akan terjamin menerusi perkhidmatan pengawal keselamatan di kediaman mereka.

Pengurus Besar Kanan (Wilayah Tengah) IJM Land, Datuk Hoo Kim See, berkata pihaknya menyokong usaha kerajaan untuk membangunkan kediaman dengan harga lebih berpatutan untuk rakyat Malaysia terutamanya generasi muda.

Katanya, Suria Pantai yang terletak di Segi Tiga Emas Kuala Lumpur baharu, berdekatan dengan pelbagai kemudahan dan laluan perhubungan iaitu sekitar tiga kilometer ke pusat beli-belah Mid Valley dan lima kilometer (km) ke KL Sentral.

"Melihat kepada lokasinya, nilai harta tanah pembangunan di sekitar kawasan berkenaan boleh mencapai jutaan ringgit. Pembangunan kediaman

ini benar-benar berbaloi untuk dimiliki dan tidak seharusnya dilepaskan," katanya.

Projek pembangunan itu bakal menerima manfaat yang besar daripada Persimpangan Pantai Sentral Park yang akan siap dibina pada suku keempat tahun ini. Ia akan menghubungkan pemilik rumah ke kawasan tumpuan utama seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Bangsar, Cheras, Subang dan Sunway.

Nikmati kehijauan

Antara kawasan tumpuan lain adalah Taman Rimba Bukit

Kerinch, iaitu rizab hutan seluas 80 hektar terletak di pinggir kawasan perumahan yang pasti memberi keseronokan tersendiri kepada pencinta alam untuk melakukan pelbagai aktiviti seperti mendaki bukit, jogging dan berbasikal di samping merasai sendiri kedamaian dan ketenangan dengan menikmati kehijauan khazanah hutan yang masih tersimpan.

Bagi yang sudah mempunyai anak, mereka tidak perlu risau kerana terdapat beberapa

pa sekolah berhampiran antaranya Sekolah Kebangsaan (SK) Bangsar dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pantai yang terletak kira-kira dua kilometer dari Suria Pantai.

Perumahan ini juga terletak secara strategik berhampiran stesen kereta api laluan LRT dan KTM seperti stesen KL Sentral, stesen LRT Universiti dan stesen KTM Pantai Dalam.

Individu dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM10,000 atau gabungan pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM15,000 layak untuk memiliki kediaman ini dengan syarat mereka kini bekerja dan menetap di Wilayah Persekutuan.

Pembangunan harta tanah itu kini dibuka untuk pendaftaran melalui portal rasmi Suria Pantai di www.suriapantai.com.

Untuk maklumat lanjut, pembeli yang berminat boleh berkunjung ke galeri jualan, Galeri ICE Pantai Sentral Park, yang terletak di Lot No 2, Tingkat 1, Jalan Pantai Sentral, Kuala Lumpur.



06 Oct 2018
Berita Harian, Malaysia

Author: Hazwan Faisal Mohamad • Section: Bisnes • Page: 27,28
Printed Size: 906.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 31,111.00 • Item ID: MY0033946150

IJM IJM CORPORATION BERHAD

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 4



Melihat kepada lokasinya, nilai harta tanah pembangunan di sekitar kawasan berkenaan boleh mencecah jutaan ringgit. Pembangunan kediaman ini benar-benar berbaloi untuk dimiliki dan tidak seharusnya dilepaskan”

Hoo Kim See,
Pengurus Besar Kanan
(Wilayah Tengah)
IJM Land



Suria Pantai menawarkan 896 unit kediaman memenuhi keperluan semua golongan.

Tip harta tanah

Panduan penyelesaian rumah tidak laku

→ Dekorasi rumah

→ Pastikan rumah anda dalam keadaan cantik sebelum membawa prospek melihat rumah. Barulah prospek jatuh cinta pandang pertama.

→ Letakkan harga yang munasabah

→ Pastikan harga yang anda letak berpadanan dengan rumah anda. Janganlah rumah di sebelah loji kumbahan,

tetapi mahalnya macam terletak di sebelah KLCC. **Anda dinasihatkan untuk menyemak nilai pasaran rumah**, buat kajian mengenai pesang dan ambil kira kekurangan rumah sebelum menetapkan harga rumah.



→ Pemasaran yang hebat

→ Sekiranya lokasi rumah anda tidak strategik atau terdapat perkara yang tidak boleh dielakkan seperti

ia dibina berhampiran dengan loji kumbahan, **anda boleh membuat kajian ringkas mengenai pembangunan yang akan didirikan di kawasan itu** sebagai hujah untuk menutup kelemahan rumah.

→ Upah ejen yang boleh diharap

→ Pilih ejen yang boleh melakukan kerja dengan baik. **Jangan disebabkan**

anda ingin jimat upah ejen, anda pilih ejen yang buat kerja sambil lewa. Ejen sepatutnya membantu mempercepatkan proses jual beli bukan sebaliknya.



06 Oct 2018
Berita Harian, Malaysia

Author: Hazwan Faisal Mohamad • Section: Bisnes • Page: 27,28
Printed Size: 906.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 31,111.00 • Item ID: MY0033946150

IJM IJM CORPORATION BERHAD

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 4

